



ISU DAN MASALAH AKIDAH DAN SYARIAH DALAM PENGUBATAN SPIRITUAL ISLAM DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA

Ahmad Najaa' Mokhtar^{1*}, Jahid Hj. Sidek², Muhammad Khairi Mahyuddin³,
Abdul Rahim Zumrah⁴, Mahyuddin Ismail⁵, Rosidayu Sabran⁶,
Mohd Rumaizuddin Ghazali⁷

¹ Pensyarah Pengajian Akidah dan Agama, Universiti Sains Islam Malaysia

² Pengasas Pusat Rawatan Islam MANARAH

³ Pensyarah Pengajian Dakwah dan Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia

⁴ Pensyarah Pengajian Dakwah dan Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia

⁵ Pensyarah Jabatan Sains Kemanusiaan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

⁶ Pensyarah Jabatan Sains Kemanusiaan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

⁷ Pensyarah Pengajian Dakwah dan Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia

*Corresponding author: najaa@usim.edu.my

Received 13 August; Accepted 29 October 2018

Available online 22 December 2018

ABSTRACT

The spiritual Islamic medical has a significant contribution to the Muslim community. It was regarded as a basic for Islamic medical. It has been introduced by the prophet Muhammad SAW, which implemented till now by the Islamic scholars. The Muslim community were interested with this approach. However, there are still ambiguity among them in regard to originality of the spiritual Islamic medical. Therefore, this study was conducted to explore this issue in the context of Malaysia. In specific, this study examine the relationship between akidah, sharia and Islamic medical. In addition, this study was conducted to investigate the implementation of Islamic medical, in order to decrease the ambiguity among the society toward the Islamic medical. To achieve the objectives of this study, a case study was conducted. This study reveals that the ambiguity among the society toward the Islamic medical is because of miss understanding in akidah and sharia. Another reason is because the Islamic medical practitioners not emphasize on akidah and sharia during the implementation of Islamic medical

Keywords: Akidah, Sharia, Spiritual Islamic medical, Ambiguity, Muslim community.

PENDAHULUAN

Di Malaysia, akhir-akhir ini pusat-pusat Rawatan Spritual Islam (RSI) tumbuh macam cendawan selepas hujan. Berbagai cerita sensasi mengenai RSI memenuhi dada akhbar dan majalah. Slot-slot mengenai RSI juga mengisi ruang kaca TV. RSI terus memainkan peranan penting di samping pengubatan alopati. Tinjauan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2004 menunjukkan bahawa sebanyak 69.4% rakyat Malaysia pernah menggunakan perkhidmatan PT&K, sekurang-kurangnya sekali semasa hayat mereka. Kajian yang dilakukan oleh World Health Organisation (WHO) pada tahun 2005 pula menunjukkan 80% daripada populasi luar bandar negara membangun dan 65% populasi negara maju menggunakan khidmat PT&K untuk pemeliharaan kesihatan mereka (Malaysia, 2007).

Dalam kehairahan masyarakat memberi sambutan terhadap RSI, majoriti mereka tidak sedar telah terlibat dengan amalan yang sangat bercanggah dengan lunas-lunas Islam, akidah dan syariat, hingga mereka terjerumus dalam perkara-perkara yang syirik dan diharamkan.

Antara perkara-perkara yang akan dibincangkan di dalam kertas kerja ialah mengenai senario khurafat dalam RSI; kegiatan mengislamkan kaedah rawatan perbomohan; amalan pengeras atau pemutus ubat; amalan puja hajat; amalan alin telur; penggunaan jin dan syaitan dalam rawatan; amalan tilik-menilik; mengalin, merambas, puja hajat, membuang ancak, simah-menyimah, penggunaan tenaga dalaman, tenaga aura, reiki, penggunaan benda najis, diharamkan dan ganjil; menggunakan air jampi; penggunaan ilmu sihir; bedah batin; penggunaan pukau/hypnosis; tangkap jin; perubatan jarak jauh dan lain-lain isu dan masalah yang berkaitan. Akhir sekali penulis akan jelaskan bagaimana berbagai unsur khurafat yang digunapakai dalam RSI menjadi faktor penting merosakkan akidah.

PEMBANGUNAN PESAT PUSAT-PUSAT RAWATAN SPRITUAL ISLAM

Boleh dikatakan pusat-pusat rawatan spritual Islam (RSI) mula aktif dibangunkan pada awal tahun lapan puluhan. Pusat-pusat RSI yang wujud sejak tarikh tersebut hingga ke hari ini, bukan hanya menawarkan khidmat rawatan, tetapi juga menawarkan kursus-kursus, seminar-seminar yang bermotifkan dakwah untuk penyibaran ilmu dan kefahaman yang benar berkaitan rawatan dan penyakit dari perspektif Islam. Disamping itu, kursus dan seminar tersebut juga bertujuan melahirkan seberapa ramai perawat baru dalam bidang RSI.

Kursus dan seminar yang diadakan mendapat sambutan yang luar biasa. Boleh dikatakan dewan penuh yang menunjukkan betapa tingginya minat orang ramai terhadap RSI.

Media baru yang merupakan teknologi informasi tanpa sempadan seperti internet , web, komputer, telefon bimbit, tablet, VCD, DVD, video game, portable media player dan lain-lain, juga merupakan satu faktor yang menyebabkan pengaruh kaedah RSI semakin mudah berkembang. Sesiapa sahaja yang berminat dan ingin menjadi perawat boleh belajar begitu mudah, berbagai maklumat boleh dipelajari di hujung jari sahaja. Menerusi media baru ini berbagai unsur negatif yang bercangah dengan akidah dan syariah dicampur adukan dengan unsur-unsur yang positif. Majoriti masyarakat tidak dapat membezakan antara yang hak dengan yang batil. Ramai yang telah terjebak dalam kaedah amalan rawatan yang salah berlawanan dengan akidah dan syariah.

LATAR BELAKANG PEMINAT

Para peminat yang melayari media baru atau yang menghadiri seminar dan kursus RSI tidak mempunyai latarbelakang pelajaran dan asuhan agama yang mencukupi seperti yang diperlukan. Ramai juga di antara mereka yang telah terlibat dengan berbagai ilmu dan amalan salah , sesat, menyalahi akidah dan syariah, seperti berbagai ilmu kepahlawanan Melayu, ilmu kebal, ilmu kuat, ilmu pengerun, berbagai seni bela diri, jampi serapah, tangkal azimat dan sebagainya. Sebahagian daripada mereka setelah menghadiri beberapa kursus dan seminar RSI atau melayari media baru, mereka membuka pusat-pusat RSI dengan menawarkan berbagai kaedah rawatan yang bercampur aduk antara yang hak dengan yang batin.

DEFINISI PERUBATAN ISLAM

Hingga masa kini, kita belum menemui definisi perubatan Islam yang lengkap, dapat diterima dan memuaskan hati. Bagaimana pun, sesudah ditelitikan pelbagai definisi, dalam beberapa kertas kerja dan kitab, walaupun tidak sempurna, maka dapat kita simpulkan bahawa perubatan Islam ialah **perubatan yang mempunyai asas (*basic*) yang selaras dengan al-Quran dan al-Sunnah, tidak berlawanan dengan kedua-dua sumber Islam tersebut, baik dari aspek paradigmanya, konsepnya, aspek nilai, prosedurnya atau tatacaranya (terutamanya yang berkait dengan kaedah amalannya), tujuannya dan aspek-aspek lain yang berkaitan dalam bidang perubatan**. Oleh demikian, perubatan Islam bersifat **universal** mencakupi semua aspek keperluan perubatan, **fleksibel** dan sentiasa

menerima apa juga sistem atau kaedah perubatan, asal tidak berlawanan dengan al-Quran dan al-Sunnah.

Maka, perubatan Islam tidak terbatas dengan sesuatu masa atau sesuatu tempat, tidak juga terhadap kepada mana-mana sistem perubatan tertentu, tidak terhad kepada perubatan Rasulullah atau *tibb al-Nabawi*. Sistem perubatan alopati (*allopathy*), homeopathy dan lain-lainnya adalah termasuk dalam perubatan Islam, jika selaras dengan al-Quran dan al-Sunnah. Adalah salah, jika ada anggapan bahawa perubatan Islam hanya yang berkaitan dengan perubatan spritual yang menumpukan kepada *ruqyah*, doa dan zikir sahaja. Dapat disimpulkan perubatan Islam yang digunapakai oleh umat Islam pada masa ini terbahagi dua:

Pertama, perubatan Islam modern, yang meliputi kaedah perubatan alopati (*allopathy*), homeopathy dan lain-lainnya

Kedua, perubatan spritual Islam yang menumpukan kepada kaedah *ruqyah*, doa, mandian , bekam dan sebagainya sahaja.

PENGARUH INSTITUSI PAWANG DAN BOMOH

Institusi pawang dan bomoh masih meluas di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Malahan kaedah rawatan pawang dan bomoh tanpa disedari telah meresap ke dalam kaedah RSI yang digunapakai oleh sesetengah perawat RSI. Ada juga golongan perawat RSI yang sengaja melakukan apa yang mereka selalu sebutkan *usaha mengislamkan kaedah rawatan pawang dan bomoh* dengan cara yang mudah iaitu dengan belajar kaedah rawatan daripada pawang dan bomoh secara langsung. Sesudah dipelajari kaedahnyanya, bacaan jampi serapahnya dalam bahasa Melayu atau Jawa, ditukar dengan bacaan Ruqiyah.

Menemui pawang dan tukang tilik lalu mempercayai kata-katanya atau pandangannya pun dilarang keras, berdosa besar. Apatah lagi menjadikan pawang itu sebagai guru perubatan dan mempelajari ilmu perubatannya dan akhirnya menggunakannya dalam rawatan. Dari Ibnu Abbas RA, katanya: "Rasulullah Saw., bersabda:

وَعَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ اقْتَبَسَ

عِلْمًا مِنَ التُّجُومِ، اقْتَبَسَ شُعْبَةً مِنَ السِّحْرِ زَادَ مَا زَادَ (رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ)

Maksudnya: *“Barangsiapa yang mencari satu macam ilmu pengetahuan dari golongan ilmu penerangan, maka berertilah ia telah mencari suatu cabang dari ilmu sihir. Bertambah ilmu sihirnya itu sebanyak tambahnya dalam ilmu penerangan mantadi.”*(Abu Daud, 2009).

Faktor tersebut menyebabkan pusat-pusat Rawatan Spritual Islam (RSI) tumbuh macam cendawan selepas hujan. Berbagai cerita sensasi mengenai RSI memenuhi dada akhbar dan majalah. Slot-slot mengenai RSI juga mengisi ruang kaca TV. RSI terus memainkan peranan penting di samping perubatan allopathy. Dalam keghairahan masyarakat memberi sambutan terhadap RSI, majoriti mereka tidak sedar telah terlibat dengan amalan khurafat yang sangat bercanggah dengan lunas-lunas Islam, akidah dan syariah. Terlalu banyak amalan khurafat yang bercanggah dengan akidah dan syariah yang telah diguna pakai oleh para perawat yang tidak dapat dijelaskan semuanya dalam kertas kerja yang ringkas ini. Antaranya yang terpenting ialah penggunaan jin, syaitan, puja hajat, bedah batin, tangkap jin, perubatan dari jarak jauh, sihir, tilikan, tangkal azimat, benda-benda yang najis lagi diharamkan dan sebagainya.

MAKNA KHURAFAT

Dalam buku kecil **Penjelasan Istilah Yang Boleh Membawa Penyelewengan Akidah**, (JAKIM, 2006) mendefinisikan khurafat ialah cerita-cerita yang mempersonakan yang dicampuradukkan dengan pekara dusta, khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang amat bertentangan dengan ajaran Islam. Semua pekara yang berkaitan perlu dijauhi oleh semua orang Islam, kerana ia merupakan dosa. Tegasnya kurafat adalah amalan atau fahaman atau tingkahlaku atau perbuatan yang bercanggah dengan akidah dan syariah Islam. Oleh itu kurafat boleh kita ketagorikan sebagai ajaran sesat

Antara amalan khurafat yang digunapakai oleh sesetengah perawat RSI ialah:

1. Pengeras

Pengeras berbeza dengan upah atau bayaran bagi khidmat rawatan. Upah/bayaran khidmat rawatan telah termaklum dan sangat jelas keharusannya, sebagaimana yang telah disebutkan dalam hadismuttafaq ‘alyhi atau hadis yang terdapat dalam kedua-dua kitab sahih, Bukhari dan Muslim. Adalah satu kesilapan besar bila *pengeras* disamakan dengan upah/bayaran khidmat rawatan, kerana akan mengubah hukumnya daripada haram kepada

harus. Pengeras adalah merupakan sebagai (ضرب من التقرب إلى الشياطين) yang bermaksud sejenis amalan atau perbuatan atau syarat yang menandakan sebagai *taqarrub* kepada syaitan, yang selalunya dilakukann oleh ahli sihir. Oleh sebab itu, maka sihir menurut **al-Hafiz Ibnu Hajar al-Haitami** (w. 974H) ialah:

أنا لتقرب إلى الروحانية وخدمة ملوك الجاننا لسحر

Maksudnya: “*Taqarrub (perhubungan) dengan bentuk kerohanian dan pertolongan daripadaraja-raja jin (sesudah orang tersebut memenuhi apa-apa syarat yang ditentukan oleh jin kepada mereka) adalah bentuk sihir*”(Al-Haytami, 1427H).

Sebuah hadith nabi yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari Tariq bin Shihab, Rasulullah Saw., bersabda:

دخل رجل الجنة في ذباب ودخل رجل النار في ذباب، فقالوا فكيف ذلك يا رسول الله؟ قال: مر رجلان على قوم لهم صنم لا يجوزه أحد حتى يقرب له شيئاً، فقالوا لأحدهما: قرب، قال: ليس عندي شيء. قالوا له: قرب ولو ذباباً، فقرب ذباباً فحلوا سبيله فدخل النار. وقال للآخر: قرب، فقال: ما كنت لأقرب لأحد شيئاً من دون الله عز وجل. فضربوا عنقه فدخل الجنة.

Maksudnya: *Rasulullah s.a.w bersabda: seorang (mukmin) masuk syurga kerana seekor lalat dan seorang (mukmin) yang lain masuk neraka kerana seekor lalat. Para sahabat bertanya: bagaimana boleh begitu ya Rasulullah. Rasulullah menjawab dengan sabdanya: dua orang (mukmin) lalu di satu kawasan yang didiami oleh satu kaum yang menyembah sebuah berhala, sesisapa pun tidak dibenarkan melintasi kawasan mereka itu tanpa membuat sesuatu pemujaan atau penyembahan (terhadap berhala). Mereka berkata kepada salah seorang: buatlah satu penyembahan. Orang itu menjawab dengan katanya: aku tidak mempunyai apa-apa untuk aku persembahkan. Mereka berkata: buatlah penyembahan walaupun dengan seekor lalat. Lalu*

dia meletakkan bangkai seekor lalat. Lalu dibenarkannya untuk melintasi kawasan tersebut. Orang tersebut akhirnya masuk ke neraka. Mereka berkata kepada seorang yang lain: buatlah penyembahan. Orang yang berkata: aku tidak akan membuat penyembahan sesuatu pada sesiapa sahaja selain daripada Allah Azza Wajalla. Mereka pun memenggal lehernya. Maka dengan itu dimasukkan ke dalam syurga” (Hanbal, Al-Zuhd, 1981).

Dalam pengalaman penulis berhubung dengan pengeras tersebut menunjukkan bahawa ianya adalah sangat penting bagi jin dan syaitan yang menjadi rakan kongsi pawang atau bomoh. Dengan pengeras jin dan syaitan akan merasa berjaya, suka dan puas hati sebab mereka telah berjaya menceburkan ramai manusia ke lembah syirik. Sebaliknya jika pengeras tidak dibuat maka jin dan syitan akan merasa kecewa dan sangat marah kepada pawang dan bomoh yang menjadi rakan kongsi. Berbagai akibat buruk akan menimpa kepada pawang dan bomoh bila orang yang telah dirawat tidak mahu memberi pengeras. Jin dan syaitan akan bertindak melakukan kerja-kerja jahat terhadap pawang atau anggota keluarganya seperti tiba-tiba pawang itu jatuh sakit, jadi tidak sedar, menjerit-jerit, meggelepar, kesihatannya tiba-tiba merosot dan sebagainya. Sesetengah pawang menerangkan kepada orang yang dirawat bahawa pengeras mestilah disempurnakan bila rawatan sudah tamat.

2. PUJA HAJAT

Puja hajat yang dilakukan sesetengah perawat Islam bermaksud solat hajat dan doa yang khusus yang hanya boleh dilakukan oleh para wali Allah. Kononya perawat mempunyai hubungan yang erat dengan para wali Allah yang tidak kelihatan oleh orang ramai. Apabila pesakit ingin mendapat khidmat solat hajat yang special maka perawat akan menghubungi para wali Allah untuk merundingkan dan mengambil keputusan untuk melakukan puja hajat.

Biasanya perawat akan memberi tahu kepada pesakit atau keluarganya bila puja hajat akan dilakukan dan berapa jumlah RM bayaran upah untuk para wali yang melakukan puja hajat. Biasanya bayaran upah terlalu tinggi mencecah ribuan hingga sampai berbelas ribu RM. Mereka percaya puja hajat sangat mustajab atau mudah segala hajat disampaikan oleh Allah. Pada realitinya kumpulan wali Allah tersebut adalah sekumpulan jin atau syaitan yang menyamar sebagai wali Allah.

Untuk meyakinkan pelanggan maka kadang-kadang perawat tiba-tiba menyahut salam yang tidak didengar oleh hadirin, hanya perawat itu sendiri yang mendengarnya. Kadang-

Ahmad Najaa' Mokhtar. *et al.* Isu dan Masalah Akidah dan Syariah...

kadang diikuti perawat itu menerima satu bungkusan makanan yang didakwa sebagai pemberian para wali kepada pesakit dan keluarga.

3. ALIN TELUR

Alin telur juga satu amalan khurafat yang selalu juga digunakan oleh perawat RSI di Malaysia. Biasanya amalan alin telur menggunakan telur ayam kampung sebanyak tiga biji. Kononnya bilangan tiga biji mengikut ajaran Islam. Telor ayam kampung digunakan motifnya untuk penipuan yang sukar diketahui oleh pelanggan dan orang ramai yang menyaksikan proses pengubatan alin telur tersebut. Sesudah ketiga-tiga telur dialinkan ke seluruh tubuh atau dibahagian tertentu tubuh badan, maka sebiji atau dua akan di pecahkan dengan cara tertentu. Dalam telur yang dipecah akan terdapat berbagai objek seperti jarum, rambut, kaca, gulungan kertas yang bertulis dan sebagainya. Kadang-kadang tidak ada apa-apa objek, tetapi kuning telur telah berubah menjadi hitam atau merah.

Kononnya penyakit akibat sihir dalam badan telah dapat dikeluarkan. Realitinya semua yang terlibat telah menjadi mangsa tipudaya jin atau syaitan, tanpa disedari termasuklah perawat itu sendiripun tidak sedar. Sebenarnya berbagai barang yang terdapat dalam telur atau perubahan warna telur adalah perbuatan jin atau syaitan yang menjadi pembantu perawat itu sendiri.

4. PENGGUNAAN JIN DAN SYAITAN

Terdapat pusat-pusat rawatan RSI menggunakan jin. Mereka beranggapan penggunaan jin dalam rawatan diharuskan., kerana tujuannya adalah kebaikan. Sebenarnya, Islam melarang keras penggunaan jin dan syaitan dalam rawatan. Penggunaan jin dan syaitan begitu meluas dan popular di kalangan para perawat di zaman jahiliyah. Mereka dikenali dengan *kahin* (jika lelaki) dan *kahinah* (jika perempuan). Rasulullah pernah dituduh oleh pemimpin-pemimpin Quraisy sebagai seorang *kahin* yang sentiasa di dampingi oleh jin atau syaitan. Allah nafikan tuduhan tersebut dengan firmannya:

فَدَكِّرْ فَمَا أَنْتَ بِنِعْمَتِ رَبِّكَ بِكَاهِنٍ وَلَا مَجْنُونٍ

Maksudnya: “Maka hendaklah engkau (wahai Muhammad) tetap tekun memberi peringatan (dengan ajaran-ajaran Al-Quran yang diturunkan kepadamu, dan janganlah dihiraukan golongan yang ingkar), kerana engkau dengan nikmat Tuhanmu (yang dilimpahkanNya kepadamu itu) bukanlah

seorang kahin (pawang, bomoh, dukun) dan bukan pula seorang gila (dirasuk oleh jin)”(Al-Tur, 52: 29).

Rasulullah Saw., melarang keras menemui dan mempercayai *kahin, munajjim, mura'* dengan sabdanya yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam kitabnya Musnad:

من أتى عرافا أو كاهنا أو منجما فصدقه فقد كفر بما أنزل على محمد

Maksudnya: “*siapa yang menemui tukang tilik atau pawang atau ahli nujum, lalu membenarkan kata-katanya, sesungguhnya ia telah kufur terhadap kebenaran yang telah diturunkan kepada nabi s.a.w.*” (Abu Daud, 2009).

Setengah ulamak menjelaskan maksud kufur di dalam hadis tersebut ialah berdosa besar. Bukan bermakna kufur yang terkeluar daripada Islam.

Oleh sebab yang demikian perawat RSI yang menggunakan khidmat jin adalah merupakan seorang *kahin*. Allah memberi amaran yang sangat keras bagi golongan manusia yang tersebut dengan firmanNya:

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا يَا مَعْشَرَ الْجِنَّ قَدِ اسْتَكْتَرْتُمْ مِنَ الْإِنْسِ وَقَالَ أَوْلِيَاؤُهُمْ مِنَ الْإِنْسِ رَبَّنَا
اسْتَمْتَعَ بَعْضُنَا بِبَعْضٍ وَبَلَّغْنَا أَجَلَنَا الَّذِي أَجَلْتَنَا لَنَا قَالَ النَّارُ مَثْوَاكُمْ خَالِدِينَ فِيهَا إِلَّا مَا
شَاءَ اللَّهُ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: *Dan (ingatlah) di hari kiamat yang padanya Allah akan himpulkan mereka semua (manusia, jin dan syaitan), (lalu berfirman): "Wahai sekalian jin dan syaitan! Sesungguhnya kamu telah menyesatkan ramai manusia". Dan berkatalah pula manusia yang menjadi rakan kongsi jin dan syaitan: "Wahai Tuhan kami, ketika kami di dunia, kami tolong-menolong, bantu-membantu. Sebahagian kami telah mendapat berbagai kesenangan begitu juga jin dan syaitan yang menjadi rakan kongsi kami, mereka juga dapat berbagai kesenangan. Dalam keadaan demikian tiba-tiba ajal kami yang Engkau tetapkan sampai (kami mati tanpa bertaubat). (Allah berfirman): "Nerakalah tempat kediaman kamu, kekal kamu di dalamnya, kecuali apa yang dikehendaki Allah". Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui”(Al-An'am, 6: 128).*

Masyarakat sukar menyedari adanya unsur jin dan syaitan dalam khidmat perawat yang membantu mengubat penyakit mereka, kerana keterampilan dan ketokohan perawat menggambarkan sebagai seorang yang alim, warak, jujur dan kaedahnya selaras dengan kehendak syariat dan akidah Islam. Lebih-lebih lagi mereka bergelar ustaz dan ustazah. Bacaan yang digunakan juga ayat-ayat al-Quran, doa *ma'thurah* diiringi dengan nasihat dan panduan yang semuanya selari dengan kehendak Islam. Tetapi di sebalik itu semua tetap ada unsur jin dan syaitan.

5. TILIKAN

Amalan tilik menilik adalah dilarang keras di dalam Islam. Dalam Islam tiada yang tahu perkara ghaib kecuali Allah. Allah Swt., berfirman:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ

Maksudnya: *Katakanlah (Ya Muhammad): Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!" Dantiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati)" (Al-Naml, 27: 65).*

Allah juga berfirman:

قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبَ لَأَسْتَكْبَرْتُ مِنْ
الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: *Katakanlah: "Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan kalau aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan. Aku ini tidak lain hanyalah (Pesuruh Allah) yang memberi amaran (bagi orang-orang yang ingkar) dan membawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman" (Al-A'raf, 7: 188).*

Firman Allah lagi:

قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبُ وَلَا أَقُولُ لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ إِن آتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad); "Aku tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) perbendaharaan Allah ada di sisiku, dan aku pula tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib; aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawasanya aku ini malaikat, aku tidak menurut melainkan apa yang diwahyukan kepadaku". Bertanyalah (kepada mereka): "Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? Tidakkah kamu mahu berfikir?" (Al-An'am, 6: 50).*

Nabi Saw., bersabda:

مناقبتس علماً من النجوم ماقتبس شعبة من السحر، زاد ما زاد

Maksudnya: *"Sesiapa yang mempelajari sesuatu ilmu yang berkaitan dengan bintang (ilmu tilik berdasarkan bintang), maka dia telah mempelajari salah satu cabang sihir, begitulah seterusnya"* (Ibn Majah, 2010).

Berbagai cara tilikan telah digunakan oleh perawat;

1. Dengan cara memandang muka pesakit atau mana-mana bahagian tubuh badan, lalu disebutkan: "awak ni kena sihir", atau "dalam badan awak ni ada 60 ekor jin dan dalam rumah awak pun ada 150 ekor jin", atau "awak ni tak kena apa-apa, sakit biasa saja".
2. Dengan mengira huruf nama pesakit dan ibunya lalu dikatakan: "awak kena sihir santau".
3. Dengan cara sembahyang hajat serta berdoa. Selepas tu diberitahu: "awak kena sihir".
4. Dengan memejamkan mata dan tafakkur dan kemudian disebutkan: "awak ni kena sihir sudah lama tapi awak tak sedar".
5. Dengan cara memotong limau, mencalitkan kapur di dahi, dengan melihat menerusi daun sirih yang dijampi atau daun sirih yang diletakkan di dahi.
6. Dengan cara melihat garis-garis tapak tangan.

Ahmad Najaa' Mokhtar. *et al.* Isu dan Masalah Akidah dan Syariah...

7. Dengan menggunakan batang mancis yang ditabur lalu dipilih satu dua oleh pesakit lalu disebutkan: “awak kena sihir, yang ihirkan bukan orang lain, adik awak sendiri”.
8. Dengan menggunakan tasbih yang berpusing-pusing.
9. Dengan menggunakan al-Quran.
10. Dengan menggunakan jari telunjuk untuk mencari penyakit dan ayat-ayat al-Quran yang sesuai untuk digunakan bagi merawat pesakit.
11. Dengan menggunakan bisikan di telinga.
12. Dengan menggunakan asap rokok.
13. Dengan menggunakan cara menurun.
14. Dengan menggunakan keris atau apa-apa senjata.
15. Dengan cara bakar kemenyan.
16. Dengan cara puja hajat.
17. Dengan cara alin telur dan sebagainya.

6. TANGKAL AZIMAT

Tangkal pada umumnya sama maksudnya dengan azimat. Sebahagian masyarakat melayu lebih biasa dengan istilah azimat, sedang sebahagian yang lainnya lebih biasa dengan tangkal. Ada juga yang menyebutkan kedua-duanya sekali tangkal azimat. Bila disebut tangkal sawan bermaksud azimat sawan iaitu yang digunakan untuk menjauhkan sakit sawan. Kita selalu mendengar ungkapan seperti *tangkal jin*, *tangkal hantu*, *tangkal hujan*, *tangkal sawah* dan sebagainya.

Pemakaian tangkal azimat di kalangan masyarakat di asia tenggara bermula sejak zaman Animesme, Hindu dan Buddha sejak beribu tahun yang lepas. Kedatangan pengaruh Islam kira-kira enam ratus atau tujuh ratus tahun yang lepas tidak berjaya menghapuskan kebiasaan memakai tangkal azimat. Malahan tangkal azimat terus berleluasa dan berpengaruh. Lebih-lebih lagi apabila tangkal azimat berkait rapat dengan sihir.

Pada hakikatnya, tangkal azimat adalah merupakan simpulan sihir (*al-'Uqad*). Allah berfirman:

وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ

Maksudnya: “(Kami juga berlindung dengan Engkau ya Allah) daripada kejahatan tiupan-tiupan ahli sihir pada simpulan sihir” (Al-Falaq 113: 4).

Biasanya tangkal azimat dibuat oleh pawang, bomoh, dukun dan mereka yang seumpamanya. Yang lebih mengelirukan masyarakat orang alim seperti ustaz ustazah, tuan-tuan guru dan kiyai terlibat juga dalam kegiatan membuat tangkal azimat. Untuk meyakinkan orang ramai bahawa perbuatan mereka itu baik dan benar maka mereka mendakwa tangkal azimat yang mereka buat itu sebenarnya bukan tangkal azimat tetapi *ta'widh, wafa', istighathah, isti'annah* dan sebagainya. Mereka juga menegaskan bahawa tangkal azimat dibuat menggunakan perkara-perkara yang di larang di dalam Islam seperti jampi serepah, berbagai bentuk gambar, tulisan dan bahan-bahan yang di larang di dalam Islam. *Ta'widh, wafa', istighathah, isti'annah* mereka buat daripada ayat al-Quran semata-mata. Mereka menegaskannya juga bila *ta'widh, wafa', istighathah, isti'annah* yang mereka buat mereka akan mendapat keberkatan dan perlindungan daripadanya, boleh mendatangkan berbagai kebaikan dan menolak berbagai kejahatan. Mereka juga menegaskan bahawa menggunakan ayat-ayat al-Quran begitu rupa diharuskan di dalam Islam.

Sebenarnya mengikut pandangan jumhur ulama' adalah tetap haram juga disebabkan wujudnya rasa di dalam diri orang yang memakainya bahawa *ta'awwudh, wafa', istighathah, isti'annah* yang mereka pakai boleh melindungi dan boleh memberi manfaat. Iktikad seperti ini menyebabkan berlakunya syirik. Iktikad atau kepercayaan tersebut sama juga dengan mereka yang memakai tangkal azimat.

Imam Sayuti (w. 911H) dalam kitabnya *Tibb al-Nabawi* menegaskan bahawa sesiapa yang menggunakan ayat al-Quran untuk mengubat orang yang sakit lalu sembuh dan dipercayai ayat al-Quran itu yang menyembuhkan maka orang tersebut telah menyengutkan Allah. Apatah lagi bagi mereka yang memakai tangkal azimat, *ta'widh, wafa', istighathah, isti'annah* daripada ayat al-Quran dengan keyakinan bahawa benda-benda tersebut boleh mendatangkan manfaat dan boleh menolak mudarat, tentu lebih buruk lagi dan lebih nyata syirikunya. Rasulullah Saw., bersabda:

من علق فقد أشرك

Maksudnya: “Sesiapa yang memakai tangkal azimat sesungguhnya dia telah menyengutkan Allah” (Hanbal, Musnad Ahmad, 2001)

Hadith tersebut adalah mutlaq iaitu apa juga jenis tangkal azimat adalah haram dan menyebabkan syirik. Mereka yang mengharuskan pemakaian *ta'widh, wafa', istighathah dan isti'annah* memberikan alasan kononnya khalifah Umar al-Khattab pernah melakukannya iaitu

Ahmad Najaa' Mokhtar. *et al.* Isu dan Masalah Akidah dan Syariah...

dengan menuliskan ayat-ayat al-Quran lalu digantung di leher budak. Sebenarnya perubahan saidina Umar itu adalah semata-mata bertujuan untuk membantu budak tersebut dapat segera menghafal ayat yang digantung itu kerana hafalannya lemah. Di samping itu, perbuatan seperti itu (membuat ta'widh, wafa', istighathah dan isti'anah) tidaklah layak dikaitkan dengan seorang khalifah yang berwibawa besar seperti saidina Umar r.a.

PELBAGAI JENIS TANGKAL AZIMAT

Berbagai jenis tangkal azimat telah digunakan oleh perawat Islam yang tidak disedari oleh mereka sendiri apatah lagi masyarakat, antaranya yang popular ialah seperti berikut;

1. Berbagai jenis pagar rumah, seperti memagar rumah dengan paku biasa mahupun paku yang dibuat khusus dengan bertulis dua kalimah syahadah atau ayat-ayat al-Quran, kacang hijau yang dijampi dimasukkan ke dalam botol, dengan tahi besi, dengan pancang kayu empat penjuru, dengan kain putih, merah dan hitam yang di sangkutkan di atas tiang, di atas pintu, menggunakan bahan-bahan seperti kulit kijang putih, potongan kelambu ka'abah, kain pelekat yang disimpul-simpul dipakukan ke dinding, daun pandan berduri di atas pintu dan jendela, air jampi yang dimasukkan ke dalam botol diikat pada penjuru rumah, menggunakan batu permata, menggunakan garam dan berbagai jenis barang lain kononnya pagar-pagar rumah tersebut boleh menyelamatkan penghuninya daripada berbagai bahaya dan mendatangkan berbagai kebaikan. Dengan pagar rumah tersebut, mereka yakin penyakit yang menyerang ahli rumah tersebut tidak akan dapat datang semula dan rumah tersebut akan jadi kebal daripada apa juga perbuatan sihir.

Sebenarnya dalam masa jangka panjang, simpulan sihir yang digunakan untuk pagar tersebut akan menimbulkan berbagai kesan yang negatif dan membahayakan seluruh keluarga turun temurun. Syaitan yang digunakan dalam khidmat pagar rumah akan melakukan berbagai gangguan terhadap sesiapa sahaja yang mendiami rumah tersebut. Selagi pagar-pagar tersebut tidak dimusnahkan kesan buruknya akan terus berlaku.

2. Pelindung diri pesakit. Tidak kurang juga perawat Islam yang membekalkan kepada pesakit dengan tangkal azimat untuk dipakai, kononnya tangkal azimat itu dapat menjauhkan sihir dan makhluk halus seperti syaitan dan jin, memberi ketenangan, mengurangkan tekanan, kerisauan, menyembuhkan penyakit dan sebagainya.
3. Pelindung keluarga. Kononnya setiap anggota keluarga pesakit adalah terdedah dengan kejahatan sihir yang menimpa kepada seseorang pesakit. Oleh demikian, anggota

keluarga seperti anak, isteri dan cucu perlu dilindungi. Cara melindungi mereka ialah dengan dibekalkan berbagai jenis tangkal azimat.

4. Pelindung kenderaan daripada kecurian dan kemalangan.
5. Tangkal azimat untuk menjadikan suami isteri intim, bertambah kasih sayang supaya suami tidak berkahwin lain.
6. Tangkal azimat untuk penggerun, penunduk, dipandang hebat, dapat perhatian dan sebagainya.
7. Tangkal azimat untuk menjauhkan pelbagai jenis sial.
8. Tangkal azimat pelaris.
9. Mereka yang mengalami penyakit lemah nafsu dibekalkan dengan tangkal azimat untuk kuatkan nafsu.

1. PENGGUNAAN BARANGAN NAJIS, DIHARAMKAN DAN GANJIL

Sesetengah perawat yang mendakwa memberi khidmat rawatan spritual Islam telah menggunakan bahan-bahan yang najis dan diharamkan di dalam Islam seperti arak untuk diurut atau diberi minum, air kencing, air kumbahan yang diambil dari loji kumbahan, anak tikus dan anak burung merpati untuk ditelan, darah manusia dan binatang seperti ayam, daging babi dan lain-lainnya.

Di samping itu tidak kurang juga mereka telah menggunakan barang-barang yang sukar dicari atau ganjil. Kononnya barang-barang tersebut sahaja yang boleh menyembuhkan penyakit. Barang-barang tersebut seperti tempurung kelapa yang tidak mempunyai mata bagi mengubat orang gila, kain tujuh warna untuk merambas pesakit-pasakit tertentu bagi mengeluarkan jin atau syaitan atau unsur-unsur sihir dari tubuh pesakit, akar sintok yang digunakan bagi memandikan pesakit, duit syiling satu sen yang dikeluarkan oleh pihak British yang diperbuat daripada tembaga, parang atau tajak atau apa-apa barang besi yang sudah berkarat yang tidak digunakan lagi, berbagai jenis daun ketika mengambilnya mestilah memberi salam kepada nabi yang menjaganya iaitu nabi Allah Ilyas yang biasanya menjaga daun-daun. Selain daripada itu, beribu-ribu benda yang lain sebagaimana yang diamalkan oleh perawat-perawat di Malaysia.

2. AIR JAMPI

Masyarakat juga terkeliru di antara air jampi yang dibuat oleh pawang atau bomoh atau dukun dengan air penawar yang dibuat oleh orang-orang sebenar yang menggunakan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa ma'thurat. Air jampi sebenarnya adalah air sihir, malahan ia boleh dikategorikan sebagai salah satu simpulan sihir, kerana ada unsur pertolongan jin dan syaitan dalam usaha membuat air jampi tersebut. Bila pawang atau bomoh atau dukun menjampi sebotol atau segelas air lalu ditiupkan ke air tersebut adalah sejenis apa yang Allah maksudkan dalam firmanNya:

وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ

Maksudnya: “(kami juga berlindung dengan Engkau ya Allah) daripada kejahatan tiupan-tiupan ahli sihir pada simpulan sihir” (Al-Falaq 113: 4).

Apa yang membezakan antara tiupan dalam air (yang enjadikan air itu air jampi), dengan tiupan benda-benda hanyalah bahan air itu sahaja. Bacaan jampi yang dibaca, dan seruan-seruan yang dibuat jika telitikan adalah sama. Sebab itu air jampi sebenarnya salah satu simpulan sihir berbeza dengan air penawar dan air ruqyah yang kita kenali.

Air jampi yang diminum oleh pesakit, adalah membahayakan pesakit terutama dalam jangka masa panjang. Sebenarnya bila air itu ditiup bermakna ada jin dan syaitan yang masuk ke dalam air itu, dan apabila air itu diminum maka yang masuk ke dalam perut bukan sahaja air tetapi jin dan syaitan. Jin dan syaitan tersebut akan menghuni di ruang perut yang akan menimbulkan berbagai penyakit seperti gastrik, susah buang air besar atau sembelit, perut jadi keras, bau nafas jadi busuk, buasir dan sebagainya lagi. Tidak kurang juga, jin yang menghuni di perut merubah sifat-sifat dan keadaan fizikal orang tersebut. Misalnya bersifat garang, bersifat dengan berbagai sifat yang ganjil, bertubuh sasa, fikiran tidak tenteram dan sebagainya.

Banyak kes telah ditemui akibat mereka yang diminumkan dengan air jampi. Sebagai satu contoh, seorang pelajar tingkatan lama bersifat liar, suka keluar rumah, balik ke rumah waktu tengah malam, tidak mahu mendengar nasihat keluarga. Akhirnya keluarganya berjumpa seorang pawang meminta air jampi untuk menghadapi masalah anaknya. Bila diberi minum air jampi, anak tersebut menjadi baik, tidak keluar rumah, suka membaca dan mendengar nasihat kedua ibu bapa. Beberapa bulan kemudian tiba-tiba anak tersebut diserang

oleh penyakit yang misteri. Bila dilakukan pemeriksaan di hospital, doktor tidak dapat mengesan apakah masalah yang dihadapi oleh anak tersebut. Akhirnya anak tersebut diberi rawatan di Pusat Rawatan Islam Manarah. Terbongkarlah rahsia penyakit anak tersebut iaitu berpunca dari air jampi.

3. PENGGUNAAN ILMU SIHIR

Ramai para perawat yang mendakwa bahawa rawatan yang diberi adalah rawatan Islam yang telah terlibat dengan ilmu sihir. Ilmu sihir adalah ilmu yang diajar oleh syaitan. Allah Swt., berfirman:

وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكٍ سُلَيْمَانَ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا
يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ

Maksudnya: “Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak-puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya); kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir” (Al-Baqarah, 2: 102).

Menurut Ibn Hajar al-Haitami, ilmu sihir ialah apa juga yang dapat dibuat oleh seseorang dengan pertolongan syaitan, setelah orang itu memenuhi kehendak syaitan dengan melaksanakan sesuatu yang dikehendaki oleh syaitan sebagai tanda menyembah atau *taqarrub* kepadanya. Berdasarkan definasi tersebut, ilmu sihir ada mempunyai beberapa ciri, di antaranya adalah seperti berikut:

1. Adanya peranan syaitan atau jin. Sesuai dengan kejadian syaitan dan jin yang bertubuh halus seperti angin yang tidak dapat dilihat, berbagai kerja jahat tidak dapat diketahui oleh manusia.
2. Adanya kerjasama antara manusia yang jahat dengan syaitan dan jin. Kedua-dua pihak memainkan peranan masing-masing. Manusia menyediakan peralatan sihir dan syitan dan jin yang melakukan kerja-kerja jahat dengan penuh perasaan suka dan gembira.
3. Adanya pemujaan terhadap syaitan dan jin.
4. Adanya kesan luar biasa.
5. Adanya berbagai syarat dan larangan.

PERBEZAAN SIHIR DENGAN *KARAMAH* ATAU *MA'UNAH*

1. Dari sudut kekerapan atau tidaknya kejadian itu sendiri. Jika kerap dan selalu atau sentiasa berlaku hingga menjadi sifat dan kebolehan seseorang maka itu adalah sihir atau istidraj.
2. Sihir boleh diprogramkan. *Karamah* atau *ma'unah* tidak boleh diprogramkan kerana datangnya daripada Allah.
3. Sihir boleh hilang dengan sesuatu sebab. *Karamah* atau *ma'unah* tidak boleh hilang dengan sesuatu sebab. Pantang larang dalam perbomohan ada kaitannya dengan masalah ini.
4. Sihir berlaku satu macam sahaja atau sama sahaja. Misalnya, barang yang keluar dari tubuh pesakit serbuk kaca atau dawai atau paku tidak boleh bertukar`benda lain.
5. Ada sihir yang hanya boleh berlaku pada waktu-waktu tertentu sahaja, oleh sebab itu khidmat rawatan yang diberi pada waktu tertentu sahaja.

1. PEMBEDAHAN BATIN

Bedah atau pembedahan batin adalah pembedahan yang dilakukan oleh seseorang perawat tanpa menggunakan apa juga alat bedah dan tidak dilakukan dalam bilik makmal bedah seperti yang biasa dilakukan dalam perubatan allopathy. Biasanya, ia dilakukan dengan tangan kosong dan jika menggunakan alat bukanlah alat bedah biasa, tetapi alat-alat yang tidak digunakan oleh pakar-pakar bedah, seperti pisau biasa, gunting biasa dan sebagainya. Oleh kerana tanpa alat, maka perawat akan menekan hujung jarinya ke kulit pesakit di sekitar anggota yang hendak dirawat. Tangan perawat akan kelihatan seolah-olah sedikit tenggelam ke dalam anggota badan pesakit. Pesakit pula tidak berasa sakit sedikit pun, tetapi terasa seakan-akan sedikit mengantuk (inilah kesan pukau yang dilakukan oleh perawat).

Akan kelihatan darah mengalir keluar dari kawasan tubuh badan yang dibedah. Kadang-kadang perawat mengeluarkan sesuatu objek dari tubuh pesakit misalnya sebahagian organ pesakit seolah-olah dikeluarkan. Kadang-kadang ada objek-objek yang asing dikeluarkan dari tubuh pesakit, seperti kaca, paku, berbagai objek tajam yang didakwa dihantar secara sihir oleh musuh. Akhirnya kawasan kulit yang dibedah dibersihkan dan ditutup semula tanpa ada sebarang luka dan calar.

Menurut Dato' Mahaguru Raden Johari Mansor al-Haj dari Pusat Rawatan Keraton, No 23 Jalan Rahmat, Kg. Melayu Majidee, Johor Bahru, Pembedahan batin ialah pembedahan yang dilakukan tanpa alat pembedahan moden, pertolongan jin atau sihir,

dipraktikkan menerusi ilmu *ma'rifatullah*. (petikan dari surat bantahan beliau kepada Bahagian Perubatan Tradisional Dan Komplimenter, Kementerian Kesihatan Malaysia). Beliau menegaskan lagi bahawa penggunaan ilmu *ma'rifatullah* diasaskan kepada beberapa syarat;

1. Berdasarkan fadilat doa yang dipetik dari ayat al-Quran.
2. Menggunakan bahasa yang difahami. Contoh “Ya Maha Suci Allah beri kesembuhan kepada si fulan”.
3. Jangan mengiktikadkan bahawa doa itu yang memberi kesan sehingga si pesakit menjadi sembuh, sebaliknya Allah yang berkuasa (contoh, tiap-tiap doa diakhiri.. *walhamdulillah rabbil 'alamin*).

2. PUKAU DAN HIPNOSIS

Pukau adalah sejenis sihir yang bertujuan mengawal minda, perasaan dan kesedaran seseorang supaya orang yang dipukau mengikut kehendaknya tanpa disedari. Pukau ada berbagai jenis berdasarkan kepada tujuan pukau itu dibuat. Antaranya untuk menjadikan mangsa tertidur nyenyak dan tidak sedar apa sahaja yang berlaku. Ada juga yang bertujuan untuk mengawal pandangan, pendengaran, minda dan perasaan sehingga dia akan mengikut arahan orang yang memukau. Ada jenis pukau bertujuan membongkar rahsia orang yang dipukau. Ada juga pukau yang bertujuan mengawal roh supaya roh orang yang dipukau mengikut arahan. Pukau jenis ini dikenali sebagai hipnosis.

Sihir pukau dan hipnosis digunakan oleh para perawat dengan berbagai cara yang mudah dan sukar disedari oleh mangsa dan orang ramai. Antara berbagai cara yang digunakan adalah seperti bersalam, cuit, menepuk bahu, dengan asap rokok, dengan bau-bauan seperti minyak wangi, makanan dan minuman yang dihidangkan, menerusi pandangan mata, memberi salam dan berbagai cara yang lain.

Hipnosis sebenarnya adalah amalan sami-sami Hindu dan Buddha dan mereka yang beramal dengan yoga. Ianya dilakukan melalui meditasi dalam pertapaan sambil mengosongkan minda dan menumpukan kepada sesuatu kehendak. Kononnya melalui cara ini akan mendapat ketenangan dan dapat menghasilkan kebolehan luar biasa seperti mampu membaca hati dan minda orang lain, meramal apa yang berlaku, mengubah nasib, menguasai kehendak orang lain dan sebagainya. Zahir: pada zahir hipnosis semacam tidak ada melibatkan apa-apa bacaan mentera dan jampi serapah. Pada hakikatnya ia melibatkan

peranan syaitan. Syaitanlah yang membolehkan mereka merasa tenang dan mampu melakukan perkara-perkara luar biasa. Jadi hipnosis sudah wujud beribu-ribu tahun bersama sami-sami Hindu.

Ada juga orang yang dianggap pakar dalam hipnosis menjelaskan bahawa hipnosis ialah ilmu menguasai aura seseorang. Aura digambarkan seperti panahan cahaya. Misalnya, bila sebatang lilin dinyalakan di tempat yang gelap lalu di pandang dari jauh maka kita akan nampak panahan cahaya mengelilingi sekitar lilin tersebut. Panahan chya itulah aura. Menurut mereka semua benda ada aura termasuk juga manusia ada aura tetapi tidak dapat dilihat melalui mata kepala. Jadi hipnosis ialah ilmu yang menguasai aura manusia sehingga manusia tersebut mengikut arahan apa sahaja yang diarahkan.

Sebenarnya kebolehan yang luar biasa bagi seorang ahli *hipnosis* adalah sejenis sihir pukau. Kebolehan yang luar biasa lagi menakjubkan serta menjadi sifat dan kebolehan mereka yang memang dikenali oleh orang ramai membuktikan itulah sifat atau ciri sihir. Kalau ahli *hipnosis* itu seorang mukmin, kebolehan itu bukanlah *karamah* atau *ma'unah* tetapi *istidraj* atau sihir.

Ada juga pakar yang menjelaskan bahawa hipnosis adalah satu teknik menguasai minda bawah sedar atau separa sedar (*subconscious mind*) yang mula diperkenalkan oleh seorang yahudi yang bernama Sigmund Freud, seorang psikologi yang akhirnya hipnosis digunakan untuk tujuan terapi kejiwaan.

3. TANGKAP JIN

Kaedah tangkap jin dalam perubatan RSI adalah berasal daripada amalan sami-sami hindu. Sejak ribu tahun mereka telah menggunakan kaedah tangkap jin yang ada pada pesakit, lalu dimasukkan ke dalam botol. Botol yang kononnya berisi jin akan di masukkan ke dalam sebuah lubang khas yang memang disediakan di belakang kuil mereka, setelah dimasukkan lubang ditutup. Di dalam lubang tersebut mungkin terdapat beratus botol yang kononnya memasung jin-jin jahat. Jin-jin dalam botol itu dianggap akan mati dengan sendiri kerana tidak dapat makan minum.

Kita percaya diri perawat RSI yang menawarkan khidmat tangkap jin sendiripun, tidak yakin sama ada jin dapat ditangkap dan masuk ke dalam botol atau tidaknya. Berbagai pekara khurafat dan pembohongan timbul dari amalan tangkap jin tersebut. Antaranya jin yang ditangkap ke dalam botol terlalu besar dan berat. Bila botol itu diletakkan dalam kereta, kereta hampir tidak boleh berjalan kerana terlalu beratnya jin.

4. RAWATAN JARAK JAUH

Ada seorang hamba Allah dari Alostar, menerusi HP memberi tahu; dia telah menjalani rawatan jarak jauh untuk buang saka dua kali, tetapi penyakit sakanya tidak sembuh. Setiap kali rawatan hendak dilakukan, beliau mesti memasukkan RM800 ke dalam akaun perawat yang tinggal di KL. Seterusnya dia ingin tahu, adakah Manarah menyediakan khidmat rawatan jarak jauh? Penulis jawab; Ada: Malahan khidmat rawatan jarak jauh selalu kita lakukan. Bila hamba Allah tersebut tanyakan bagaimana cara dilakukan dan berapa RM bayarannya. Penulis tegaskan caranya dengan solat taubat, solat hajat dan doa. Bayarannya? tak ada apa-apa bayaran.

Penulis juga temui seorang pesakit yang menceritakan telah menerima rawatan jarak jauh sebanyak tiga kali. Perawat menegaskan menerusi HP bahawa jin yang mengacau kehidupannya telah ditangkap dan dipasung. Rumahnya juga telah dipagar untuk keselamatan. Pesakit dijamin sembuh dan selamat dari gangguan jin. Sesudah tiga kali rawatan perawat datang menanam beberapa botol minyak wangi dalam pasu bunga di depan dan sekitar rumah. Penyakit yang dideritai tidak juga hilang.

Rawatan dari jarak jauh terkenal dikalangan sesetengah tukang urut, terutamanya tukang urut yang mempunyai ilmu yang dikenali dengan istilah *sangkal putung*. Pesakit yang diurut tidak perlu menemui perawat. Rawatan biasanya berlaku ketika pesakit tidur. Pesakit merasa seolah-olah ada lembaga seperti manusia datang mengurutnya, kadang-kadang dirasakan sakit sangat yang akhirnya penyakitnya didapati sembuh. Anggota yang terseliuh menjadi baik.

5. MENGELUARKAN BERBAGAI OBJEK DARI TUBUH

Dalam kegiatan rawatan RSI, terdapat perawat yang dianggap hebat oleh sesetengah masyarakat, kerana kemampuannya mengeluarkan berbagai objek seperti pecahan kaca, serbuk kaca, dawai berkarat, paku berkarat, jarum, rambut, pisau jilid, patung lilin, batu karang dan sebagainya lagi. Perawat yang terlibat dengan kegiatan rawatan seperti ini memang dikenali kebolehan mereka oleh masyarakat, sehingga masyarakat menganggapnya satu tokoh perawat yang benar-benar berwibawa dan bertaraf wali. Sebenarnya kebolehan perawat tersebut adalah hasil dari ilmu sihir. Buktinya kemampuannya mengeluarkan objek telah menjadi kebolehan mereka, dapat dibuat bila-bila dikehendaki, boleh diprogramkan, selalunya serupa sahaja apa yang keluar dari tubuh pesakit dan akhirnya banyak pantang larang yang tidak boleh dilakukan oleh pesakit. Perawat juga selalu meminta pengeras atau pemutus ubat.

6. **TAHDIR AL-ARWAH/ (KEMBARA ROH)**

Setengah perawat RSI ada yang menggunakan roh seseorang pembantu yang tertentu, masa ada yang telah terlatih ataupun yang belum terlatih. Biasanya pembantu tersebut terdiri dari orang yang sangat kurang sifa ketaqwaan dan tawakalnya kepada Allah Swt. Perawat kononnya menidurkan pembantunya. Bila sudah tertidur, perawat akan melakukan dialog dan berberapa arahan kepada roh pembantu yang tertidur tersebut. Berbagai arahan yang diperintah oleh perawat biasanya akan dilakukan oleh roh. Misalnya mencari simpulan sihir yang ditanam sekitar rumah pesakit. Jika ada simpulan sihir roh mesti mengambilnya dan memusnahkannya seperti dicampak ke laut dan sebagainya. Seribu satu macam cerita yang biasa disampaikan oleh roh pembantu tersebut. Sesudah kerja, rawatan tamat, roh diperintah supaya kembali dan masuk ke tubh semula. Pembantu tersebut sedar tapi ia kebingunan dan tidak tahu apa yang berlaku dan apa diucapkan. Inilah ilmu sihir hipnosis.

7. **KAEDAH RAWATAN KHURAFAT YANG LAIN**

Ada juga perawat RSI yang menggunakan kaedah rawatan yang pelik dan sukar diterima oleh akal. Seperti rawatan sakit gigi dengan memaku beberapa batang paku di sekeping papan atau tiang atau dinding dan sebagainya. Demikian juga rawatan penyakit barah dilakukan dengan cara memindahkan barah ke tubuh seekor kambing hitam. Menggunakan kaedah menggaris dengan psiau tumpul diatas papan atau sebagainya kononnya untuk mencungkil urat yang terseliuh dan urat-urat yang tidak berfungsi. Kadang-kadang digunakan keris, pedang dan sebagainya.

KESIMPULAN

Islam telah membawa ajaran akidah tauhid yang memerangi semua akidah yang kontra dengan tauhid. Arab Jahiliyyah yang beragama berhala berpegang dengan akidah yang salah dan sesat kerana dipenuhi oleh berbagai unsur yang berlawanan dengan akidah tauhid. Dengan *KalimahTayyibah* (لا إله إلا الله), hanya Allah sahaja sebagai Tuhan yang menjadi tempat pergantungan manusia di dunia dan akhirat. Hanya Allah sahaja yang boleh mendatangkan manfaat dan mudarat. Oleh yang demikian, Islam telah memerangi segala apa juga rupa dan bentuk akidah yang salah, sesat dan berlawanan dengan akidah tauhid (seperti yang menjadi pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah).

Institusi *kahin* (pawang atau bomoh), *al-'urraf* (tukang tilik) dan *munajjim* (ahli nujum) serta apa juga bentuk dan warna amalan perpawangan (kahanah) yang memainkan peranan penting di bidang perubatan dalam masyarakat jahiyah, telah diharamkan dan diperangi oleh Islam habis-habisan. Disebabkan semuanya itu melibatkan amalan batil dan syirik, memuja benda-benda yang tidak boleh dipuja seperti jin dan syaitan. Faktor-faktor tersebut menyebabkan Rasulullah Saw.,

Menjadi titik tumpuan baru bagi masyarakat Islam yang memerlukan bantuan perubatan bila menghadapi berbagai masalah penyakit. Lebih-lebih lagi masyarakat Islam yang baru muncul itu sangat teguh keimanan mereka terhadap apa sahaja yang disampaikan oleh Rasulullah Saw., Mereka yakin kata-kata baginda adalah datang dari Allah, seperti yang disebut dalam firman Allah yang bermaksud: *“Dan sesungguhnya ia (Rasulullah Saw.) tidaklah bercakap mengikut kehendak nafsunya, tetapi kata-katanya adalah wahyu yang diwahyukan.”* (Al-Najm, 53: 3-4).

Seluruh unsur-unsur khurafat yang disebutkan di atas dan banyak lagi yang tidak disebut yang digunakan dalam kaedah RSI benar-benar menjadi ancaman besar terhadap akidah. Lebih membimbangkan kita lagi kerana semuanya berlaku di atas nama RSI. Tentunya kaedah RSI yang begitu berpengaruh menjadi hijab paling besar dan tebal yang menyebabkan yang kita tidak dapat menyedari berlakunya ancaman akidah yang sebenar. Kita akan berlarut-larut dalam dosa-dosa besar iaitu amalan sihir dan syirik yang mungkin sampai kita menemui ajal. Kita akan menjadi golongan orang yang dimasukkan ke dalam neraka disebabkan melarut-larut dalam dosa hingga mati tanpa sedar.

RUJUKAN

Qs. Al-A'raf, (7): 188.

Qs. Al-An'am, (6): 128.

Qs. Al-Baqarah (1) : 102

Qs. Al-Falaq(113): 4.

Qs. Al-Naml, (27): 65.

Qs. Al-Tur (52) : 29.

Ahmad Najaa' Mokhtar. *et al.* Isu dan Masalah Akidah dan Syariah...

Abu Daud, S. a.-A. (2009). *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

Al-Haitami, A. M. (1427H). *Al-Fatawa al-Hadithiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.

Hanbal, A. (1981). *Al-Zuhd*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.

Hanbal, A. (2001). *Musnad Ahmad*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Ibn Majah, M. Y. (2010). *Sunan Ibn Majah* (Vol. 2). Cairo: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

JAKIM. (2006). *Penjelasan Istilah Yang Boleh Membawa Penyelewengan Akidah*. Kuala Lumpur: JAKIM.

Malaysia, K. K. (2007). *Dasar Perubatan Tradisional Dan Komplementari Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia.